

# **Notis Lelongan Aset Bil.1/2017 MAMPU**

**KEW.PA-27**

## **KENYATAAN JUALAN LELONGAN ASET ALIH KERAJAAN**

Dimaklumkan bahawa Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) akan mengadakan jualan lelongan aset berdasarkan ketetapan seperti yang berikut:

**Tarikh : 24 Mei 2017 (Rabu)**  
**Masa : 10.00 pagi**  
**Tempat : Sudut Warisan, Aras 2, Blok B2, MAMPU, Kompleks B,**  
**Jabatan Perdana Menteri (JPM) 62502 PUTRAJAYA**

2. Senarai aset yang akan dilelong adalah seperti di KEW.PA-27(A). Semua aset boleh dilihat pada tarikh **15 Mei 2017 ( Isnin ) hingga 16 Mei 2017 ( Selasa ) di Sudut Warisan, Aras 2, Blok B2, MAMPU, Kompleks B, Jabatan Perdana Menteri (JPM), 62502 Putrajaya di antara jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang.**

3. Syarat dan peraturan lelong adalah seperti berikut:-

- i. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan;
- ii. Pembida yang berminat untuk menyertai lelongan, perlu mendaftar dengan Pegawai Pelelong dengan memberikan nama penuh, no. Kad Pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa lelongan dilakukan serta membayar deposit sebanyak 5% daripada harga simpanan atau maksimum RM1,000;
- iii. Penawar harga tertinggi adalah pembida yang berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawar yang tertinggi, aset berkenaan akan dilelong semula;
- iv. Jabatan berhak mengubah susunan jualan tersebut di senarai KEW.PA-27(A) dan menarik balik mana-mana aset daripada senarai tersebut;
- v. Semua aset adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is-basis);
- vi. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual;
- vii. Semua perbelanjaan bagi mengangkut aset hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri;
- viii. Pembida yang berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, no. Kad Pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa jualan dilakukan;
- ix. Pembayaran penuh hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelongan;
- x. Pembida yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh lelong. Jika tidak, Jabatan berhak untuk melupuskannya; dan
- xi. Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum aset boleh dikeluarkan dari premis Jabatan

Maklumat selanjutnya pada [Notis Kenyataan Jualan Lelongan Aset Alih Kerajaan](#)